




PERIHAL GNI

Inisiatif Rangkaian Global (Global Network Initiative, GNI) ialah platform pelbagai pihak berkepentingan yang menghimpunkan pakar akademik, institusi akademik, organisasi masyarakat sivil, syarikat, dan pelabur dari serata dunia dalam usaha melindungi dan memajukan hak kebebasan melahirkan pendapat dan privasi dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (information and communications technology, ICT). GNI memudah cara usaha kolaboratif ini dengan menetapkan standard global untuk pembuatan keputusan yang bertanggungjawab oleh syarikat, mengendalikan penilaian bebas tentang komitmen syarikat, memupuk dialog dalam kalangan ahli secara rahsia, dan berfungsi sebagai suara pelbagai pihak berkepentingan dalam menghadapi sekatan dan tuntutan kerajaan. [Lihat senarai lengkap ahli dan pemerhati.](#)



GLOBAL
NETWORK
INITIATIVE



SYARIKAT YANG MENJADI AHLI GNI

- **BERKOLABORASI** dengan pelbagai kumpulan petindak untuk membantu menetapkan standard global bagi menggalakkan dan melindungi hak kebebasan melahirkan pendapat dan privasi.
- **MENGEMBANGKAN** dan meneguhkan perhubungan dengan masyarakat sivil, pakar akademik, serta pihak berkepentingan pelabur.
- **MENAKSES** peluang pembelajaran dengan ahli GNI yang lain dalam persekitaran awam dan swasta, termasuk tentang topik-topik sensitif, secara rahsia melalui program pembelajaran bersama.
- **MENGURUS** pendedahan risiko dan menambah baik usaha membuat keputusan syarikat menerusi pelaksanaan Prinsip dan Garis Panduan Pelaksanaan GNI.
- **MEMPEROLEH** pemahaman masa nyata tentang risiko dan peluang bagi persekitaran undang-undang dan kawal selia yang pesat berubah.
- **MEMPAMERKAN** kepimpinan dalam bidang dasar sosial yang kritikal.



PENCAPAIAN GNI

- **Menawarkan satu-satunya kitaran penilaian bebas dalam sektor ICT** - setakat ini telah menyempurnakan kitaran ketiga pada bulan April 2020 - yang melalui penilaian ini, lebih banyak syarikat dalam sektor ICT telah mengenal pasti amalan terbaik, membincangkan cabaran, dan bertukar-tukar maklum balas membina dengan para pakar hak asasi manusia dan syarikat lain.
- **Menyediakan peluang yang mampan untuk pembelajaran bersama dalam persekitaran rahsia**, sekali gus, membolehkan syarikat menggunakan pengetahuan ini dalam dasar dalaman mereka berhubung cara teknologi baharu boleh memberi impak kepada kebebasan melahirkan pendapat dan privasi. Seruan pembelajaran GNI telah membincangkan dilema baharu dan yang sentiasa dihadapi oleh syarikat-syarikat ICT dalam bidang kuasa yang berbeza disebabkan oleh tuntutan untuk pengalihan keluar, gangguan perkhidmatan, dan permintaan data pengguna oleh pihak kerajaan.
- **Menggunakan platform autoritatif ini untuk melibatkan penggubal dasar, pihak berkepentingan dan dalam inisiatif antarabangsa** bagi mengolah perbualan pengawalaturan dasar dan amalan ICT yang melindungi dan meningkatkan hak asasi manusia. Hal ini termasuklah Rangkaian Khidmat Nasihat Panggilan Christchurch (Christchurch Call Advisory Network), Rangkaian Khidmat Nasihat Perikatan Dalam Talian Kebebasan (Freedom Online Coalition Advisory Network), dan Rangkaian Dasar Internet & Bidang Kuasa (Internet & Jurisdiction Policy Network). GNI juga telah mengadakan usaha sama dengan institusi multilateral, termasuk Direktorat Eksekutif Jawatankuasa Antikeganasan Majlis Eropah dan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (Council of Europe and the United Nations Counter-Terrorism Committee Executive Directorate).
- **Mewakili keanggotaan yang kian berkembang dan pelbagai**, termasuk syarikat yang menjadi anggota di Asia dan Eropah serta pakar dan institusi akademik, organisasi masyarakat sivil, dan para pelabur dari Afrika, Eropah, Amerika Latin, Amerika Utara, Timur Tengah, dan Asia Selatan yang telah mempengaruhi operasi syarikat pada peringkat dasar.